

U B109 AAB

MAHATHIR - MAGERAN

JITRA, 24 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN BARISAN NASIONAL TIDAK AKAN BERBALIK KEPADA PEMERITAHAN +MAGERAN+ ATAU MENJADI SEPERTI +KERAJAAN NARCOS+ UNTUK MENGEKALKAN KUASANYA.

PILIHAN RAYA YANG DIADAKAN BERTUJUAN MEMBOLEHKAN RAKYAT MEMILIH PARTI-PARTI POLITIK YANG DISUKAI UNTUK MEMERINTAH NEGARA INI, KATANYA.

(KERAJAAN MAGERAN ATAU MAJLIS GERAKAN NEGARA DIWUJUDKAN SELEPAS PERISTIWA 13 MEI, 1969 DAN DIANGGOTAI OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN POLITIK, TENTERA DAN POLIS UNTUK MENTADBIRKAN NEGARA SEHINGGA PILIHAN RAYA UMUM DIADAKAN PADA TAHUN 1974).

SEMASA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 1,000 ORANG PENYOKONG BARISAN NASIONAL (BN) PADA SATU MAJLIS PERJUMPAAN DI SINI MALAM TADI, BELIAU BERKATA HASRAT BAIK KERAJAAN ITU BAGAIMANAPUN MENDAPAT TENTANGAN DARIPADA SEBUAH PARTI POLITIK YANG MENCUBA MENGGAGALKAN DAN MENYEKAT PILIHAN RAYA DIADAKAN DENGAN MENGAMBIL TINDAKAN MAHKAMAH.

PARTI ITU, DAP, JUGA MENDAKWA KONONNYA APA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN TIDAK BETUL, KATANYA.

DAP MENGAKUI KONONNYA IA SEBUAH PARTI POLITIK YANG MENGAMALKAN DEMOKRASI, TETAPI PERCUBAANNYA MENGHALANGI PILIHAN RAYA DIADAKAN MENUNJUKKAN PARTI ITU TIDAK BERSIKAP DEMOKRATIK. -- LAGI/ZA
1119MST 24 07 86

U B109 AAB

MAHATHIR - MAGERAN 2 JITRA

PERDANA MENTERI MENGANGGAP PEMIMPIN DAP ENCIK LIM KIT SIANG SEBAGAI DIKTATOR KERANA KEPIMPINANNYA TIDAK PERNAH MENGGAMBARAKAN SIKAP DEMOKRATIK.

AKIBAT SIKAP DIKTATOR ENCIK LIM, BEBERAPA ORANG TOKOH DAP TERMASUK BERNARD STA MARIA (MELAKA) MENINGGALKAN PARTI TAHUN 1983 DAN KEMUNGKINAN LEE LAM THYE PULA AKAN MENGIKUTI JEJAK LANGKAHNYA. KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +LEBIH BAIK SAHAJA BERTANYA KEPADA RAKYAT, KALAU RAKYAT SUKA DIA AKAN PILIH KITA DAN TIDAK PERLU PERKARA ITU DI BAWA KE MAHKAMAH.

+UNDANG-UNDANG MEMPERUNTUKKAN PILIHAN RAYA DIADAKAN SETIAP LIMA TAHUN, TETAPI BELUM PUN LIMA TAHUN KERAJAAN MENGADAKAN PILIHAN RAYA.

+JIKA PARTI ITU, DAP TIDAK BERSEEDIA, MENGAPA TIDAK BERITAHU KERAJAAN,+ KATA PERDANA MENTERI SAMBIL DIBERIKAN TEPUKAN GEMURUH PARA PENYOKONG BN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN BN SEKARANG MERUPAKAN YANG PALING TULIN MENGAMALKAN PRINSIP DEMOKRASI DAN TIDAK BERHASRAT LANGSUNG HENDAK MENGISYTIHARKAN DARURAT UNTUK MENGEKALKAN KUASA. -- LAGI/ZA

1123MST 24 07 86

U B110 AAB

MAHATHIR - MAGERAN 3 JITPA

BELIAU BERKATA, HASIL KEJAYAAN KEPIMPINAN KERAJAAN BN, MALAYSIA TELAH MENCAPAI KEMAJUAN YANG BEGITU PESAT JIKA DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN.

KERAJAAN TELAH DAPAT MENYATUPADUKAN RAKYAT DARIPADA BERBAGAI-BAGAI KAUM DAN MEREKA HIDUP AMAN DAN TAMAI SERTA BOLEH MENJALANKAN AKTIVITI-AKTIVI DENGAN BEBAS TANPA DIGANGGU-GUGAT, TAMBAHNYA.

KEADAAN INI JELAS BERBEZA DARIPADA SEMASA PEMERINTAHAN BRITISH DAHULU APABILA RAKYAT TIDAK DAPAT MENJALANKAN AKTIVITI SESUKA HATI. JELAS BELIAU.

BAGAIMANAPUN, SEKIRANYA RAKYAT TERPENGARUH DENGAN DAKYAH-DAKYAH PARTI PEMBANGKANG KHUSUSNYA MENJELANG PILIHAN RAYA INI, PERISTIWA 13 MEI MUNGKIN BERULANG. -- BERNAMA/ZA
1124MST 24 07 86